

20/11/1997

Malaysia bukan negara boneka

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Malaysia bukan negara boneka yang mengikut telunjuk mana-mana kuasa besar, termasuk Amerika Syarikat.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, hubungan Malaysia-Amerika adalah berdasarkan kepentingan perdagangan berasaskan hubungan diplomatik yang baik.

Sehubungan itu, beliau menafikan dakwaan Timbalan Yang Dipertua Pas, Hadi Awang, yang juga ahli Parlimen Marang, Malaysia ada perjanjian sulit dengan Amerika dalam bidang ketenteraan.

"Saya tidak tahu daripada mana dia (Hadi) korek perjanjian itu. Inilah cara politik yang saya anggap cukup tidak sihat dan satu permainan untuk cuba mengusik perasaan rakyat dan menimbulkan kebencian kepada kerajaan.

"Kita bukan negara boneka di bawah telunjuk mana-mana kuasa besar. Kalau ada orang asing yang kadangkala bimbang dan gusar atau sedikit marah kepada Perdana Menteri ialah kerana kebebasan, ketegasan dan keberanian beliau mengemukakan pandangan bagi pihak negara membangun miskin dan melarat," katanya ketika menggulung usul memberi keyakinan dan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap Dr Mahathir di Dewan Rakyat, malam ini.

Anwar menegaskan, usul itu hasil kemarahan dan rasa tersinggung semua pihak di negara ini terhadap sikap 34 anggota Kongres Amerika yang mengemukakan draf mendesak Perdana Menteri memohon maaf atau meletak jawatan berhubung kenyataannya mengenai Yahudi.

"Yang kita pertikaikan ialah kerana nada yang tidak sopan dan draf usul yang dikemukakan bertentangan norma, peraturan dan tatacara diplomatik hubungan antarabangsa yang diterima.

"Justeru, menuntut Perdana Menteri memohon maaf walaupun beliau sudah memberi penjelasan atau meletakkan jawatan adalah keterlaluan," katanya.

Beliau turut menafikan dakwaan Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) yang mendakwa usul menyokong Dr Mahathir percubaan untuk mengalih pandangan umum daripada memusatkan perhatian kepada permasalahan negara sekarang.

"Usul ini penting, masalah ekonomi negara, kedudukan dan krisis mata wang juga penting. Tidak ada niat dan tidak timbul sama sekali kemungkinan kita mahu mengalihkan pandangan daripada memusatkan perhatian bagi memastikan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi terus mapan di negara kita.

"Saya turut kesal kerana wakil Tanjong cenderung menerima hujah anggota Kongres Amerika dan hujah laporan tidak bertanggungjawab media asing daripada menerima penjelasan pemimpin kita sendiri.

"Saya ingin tegaskan, kemapanan ekonomi selama ini bukan peranan pembangkang. Kemapanan ekonomi yang cergas dan segar adalah berkat pimpinan Dr Mahathir sendiri.

"Sebab itu, dalam kita menangani masalah ini, kita tidak mahu pandangan kita diganggu gugat oleh sebahagian pembangkang atau beberapa anggota Kongres yang cuba mempertikai serta mempersoalkan kedudukan kita," katanya.

(END)